

PM hadir Rumah Terbuka Aidilfitri TPM, kerajaan Sabah

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam meluangkan masa menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri anjuran timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, di Sri Satria, di sini.

Perdana Menteri yang lengkap berbaju Melayu biru hadir pada jam 6.20 petang, kira-kira dua jam selepas majlis bermula, sambil disambut timbalannya itu

bersama isteri, Datin Seri Hamidah Khamis.

Terdahulu, Ahmad Zahid menyertai kira-kira 5,000 pengunjung memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Parlimen Rembau yang berlangsung di Kampung Tanjung Rantau di Rembau, Negeri Sembilan.

Ketibaan beliau disambut Timbalan Presiden UMNO, Datuk Se-

ri Mohamad Hasan yang juga Ahli Parlimen Rembau dan Menteri Pertahanan bersama isteri, Raja Datin Seri Salbiah Tengku Nujumuddin.

20,000 pengunjung

Di Kota Kinabalu, kira-kira 20,000 pengunjung memeriahkan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kerajaan Negeri Sabah 2023 yang turut dihadiri Anwar, di Pusat

Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC), di sini semalam.

Majlis juga dihadiri Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin dan isteri, Toh Puan Norlidah RM Jasni, selain Ketua Menteri, Datuk Seri Hajiji Noor serta barisan anggota Kabinet

Sabah yang lain.

Pengerusi penganjur yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi negeri, Datuk Dr Ariffin Arif, menyifatkan jumlah kehadiran pengunjung pada acara rumah terbuka itu sangat luar biasa dan memberangsangkan.



Anwar bersama Ahmad Zahid pada Majlis Sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri TPM di Sri Satria, Putrajaya, semalam.
(Foto Aizuddin Saad/BH)